

**PEMBINAAN MODUL PENDIDIKAN SEKSUALITI
MASALAH PEMBELAJARAN PERINGKAT
MENENGAH: SATU KAJIAN BERDASARKAN
ANALISIS KEPERLUAN**

Oleh

ANG CHAI TIN

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

OGOS 2014

PENGHARGAAN

Terbitnya rasa kesyukuran yang amat sangat dalam diri pada ketika ini. Sesungguhnya kesyukuran ini adalah anugerah terindah terhadap kepercayaan teguh saya pada **Lord Buddha**.

Ungkapan terima kasih tidak terhingga kepada semua insan yang telah sudi membantu saya mengharungi pelbagai cabaran tatkala meneroka lautan ilmu tanpa sempadan demi memperolehi segulung ijazah doktor falsafah. Justeru itu, saya dengan penuh rendah diri ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tulus ikhlas :

Pertama, kepada penyelia tesis saya Prof. Madya Dr. **Lee Lay Wah**. Prestij kepada beliau atas segala sumbangannya dari segi ilmu, nasihat, bimbingan, tunjuk ajar dan kewangan. Kesemua ini telah secara langsung menyebabkan penulisan ilmiah ini berjaya disempurnakan. Sesungguhnya gaya penyeliaan beliau yang demokrasi, bebas, penuh kesabaran dan pengertian telah memberanikan saya menjelajahi alam penyelidikan ini.

Kedua, kepada Dr. **Aminah Bee Bt. Mohd Kassim**, Ketua Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga Kementerian Kesihatan Malaysia, Cik **Tan Hui Ning** dari Unit Pendidikan Kesihatan KPM dan rakan-rakan sejawatan saya di Institut Pendidikan Guru kampus Perlis. Mereka ialah Dr. **Chow Fook Meng**, Dr. **Bustamam bin Ahmad**, En **Lim Kim Chuen**, Pn **Lily Rozita bt Mohamad** dan Pn **Norazelina bt Awang @ Man**. Saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas jasa mereka menghulurkan bantuan dan penat lelah mengendalikan proses pengesahan instrumen kajian dan modul penyelidikan saya.

Ketiga, kepada pihak-pihak yang berkenaan di Jabatan Pelajaran Negeri, para penolong kanan dan penyelaras Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran peringkat menengah dan guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran peringkat menengah dari setiap negeri serta ibu bapa kepada KKBP yang terlibat dalam kajian ilmiah ini. Sumbangan maklumat dan respons ikhlas daripada mereka sesungguhnya telah meningkatkan nilai keilmuan penyelidikan ini. Terima kasih atas segala bantuan yang telah diberi kepada saya.

Keempat, kepada Bahagian Tajaan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang memberikan saya biasiswa untuk melanjutkan pengajian kedoktoran saya. Tanpa sokongan kewangan dan pemberian cuti belajar dari KPM, saya tidak mungkin sampai ke tahap hari ini. Syukur dan terima kasih kepada pihak KPM.

Kelima, kepada semua ahli keluarga saya, suami **Lim Yew Beng** yang sentiasa memberi semangat dan nasihat kepada saya untuk menghadapi segala ranjau sepanjang pengajian kedoktoran ini. Kesabaran dan kegigihan beliau mendidik dan melayan karenah anak-anak **Lim Khang Ning**, **Lim Zee Thong**, **Lim Chong Zhen** dan **Lim Ruo Chen** yang masih kecil tatkala ibunya sibuk dan asyik dengan dunia penelidikannya. Terima kasih di atas segala-galanya dan doa saya agar kasih sayang sentiasa tersemat di hati. Hidup ini (*this life*) mahupun hidup akan datang (*next life*), Amitabha, kita tetap sekeluarga.

Akhir, kepada mendiang ibu bapa saya **Ang Leong Kim** dan **Lim Siew Lan** yang sentiasa dalam ingatan. Saya titipkan rasa terima kasih ikhlas dari hati kepada mereka kerana melahirkan saya, mengurniakan saya asas kesihatan yang baik, mewariskan saya semangat yang kental dan mendidik saya menjadi insan yang sentiasa berfikiran positif menghadapi segala musibah hidup. Doa saya semoga mereka berada di alam Sukhavati.

Kejayaan menyempurnakan tesis kedoktoran ini ingin saya kongsikan dengan semua pihak di atas. Hanya ucapan terima kasih, terima kasih, terima kasih dan tetap terima kasih dapat saya ungkapkan di sini. Jasa anda semua pasti mendapat balasan yang baik. Sadhu! Sadhu! Sadhu!

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Jadual Kandungan	iii
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xvi
Senarai Singkatan	xix
Senarai Lampiran	xxi
Abstrak	xxiii
Abstract	xxv
BAB 1 – PENDAHULUAN	1-26
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian dan Persoalan Kajian	11
1.6 Pernyataan Hipotesis	13
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.8 Limitasi Kajian	17
1.9 Definisi Kajian	17
1.9.1 Seksualiti	17
1.9.2 Aspek Seksualiti	18
1.9.3 Pendidikan Seksualiti	18
1.9.4 Pendidikan Seksualiti KKBP	19
1.9.5 Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP)	20
1.9.6 Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran (<i>Learning Disabilities</i>)	20
1.9.7 Masalah Tingkah Laku Seksual	20
1.9.8 Analisis Keperluan Pendidikan Seksualiti	21
1.9.9 Analisis Keperluan, Pembinaan Bahan dan Penilaian Bahan	22
1.9.10 Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran	23
1.9.11 Penolong Kanan dan Penyelaras Program Pendidikan Khas	23

	Integrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKI BP) Peringkat Menengah	
1.9.12	Guru-guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP)	24
1.9.13	Ibu bapa	24
1.9.14	Konstruk Indikator Kualiti Bahan Pengajaran (<i>Quality Indicators of Educational Resources</i>)	24
1.9.15	Konstruk Penilaian Penerimaan Sosial Modul	25
1.10	Rumusan	25

BAB 2 – TINJAUAN LITERATUR **27-83**

2.1	Pengenalan	27
2.2	Pendidikan Seksualiti	27
2.2.1	Teori Perkembangan Psikososial dan Pendidikan Seksualiti	29
2.2.2	Teori Behaviorisme dan Pendidikan Seksualiti	33
2.3	Seksualiti Individu Bermasalah Pembelajaran	38
2.4	Hak KKBP Terhadap Pendidikan Seksualiti	40
2.5	Sikap Ibu Bapa dan Masyarakat Terhadap Keperluan Pendidikan Seksualiti KKBP	42
2.6	Keperluan Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran Menengah Peringkat Menengah	45
2.7	Masalah Tingkah Laku Seksual KKBP Peringkat Menengah	47
2.8	Isu-Isu Penganiayaan Seksual Sejak Implimentasi Pendidikan Seksualiti Di Sekolah-sekolah Malaysia	48
2.9	Sikap, Keyakinan dan Keperluan Pengetahuan atau Latihan Pendidikan Seksualiti oleh Guru-guru PKBP Peringkat Menengah	50
2.10	Perbandingan Kandungan Pendidikan Seksualiti Antara Luar Negara, Agensi Kerajaan Malaysia dan Badan NGO Dalam Negara	52
2.10.1	Analisis Kandungan Pendidikan Seksualiti Aliran Perdana	52
2.10.2	Kandungan Pendidikan Seksualiti Bermasalah Pembelajaran Peringkat Menengah	59
2.11	Modul Pengajaran	65
2.11.1	Model Pembinaan Modul Sidek (2005)	66
2.12	Kerangka Teoritikal untuk Mereka Bentuk Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) Peringkat Menengah	67
2.12.1	Strategi Ekspositif (<i>Expositive Strategy</i>)	67

2.12.2	Strategi Pengalaman (<i>Experiential Strategy</i>)	68
2.12.3	Empat Kategori Pengetahuan	68
2.13	Konstruk Penilaian Modul	73
2.13.1	Kesahan Isi Kandungan (<i>Content Validity</i>)	73
2.13.2	Kebolehpercayaan (<i>Reliability</i>)	74
2.13.3	Indikator Kualiti	75
2.13.4	Penilaian Penerimaan Sosial atau Kesahan Sosial (<i>Social Validity</i>)	76
2.14	Kesahan Konstruk (<i>Construct Validity</i>) untuk Instrumen Kajian	79
2.15	Kerangka Konseptual Kajian	80
2.16	Rumusan	81
BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN		84-128
3.1	Pengenalan	84
3.2	Reka Bentuk Kajian	84
3.2.1	Fasa I – Analisis Keperluan Pendidikan Seksualiti	88
3.2.2	Fasa II – Reka Bentuk dan Pembinaan Modul	88
3.2.3	Fasa III – Penilaian Kualiti dan Penerimaan Sosial	89
3.2.4	Persekitaran Kajian	91
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	92
3.3.1	Persampelan Kajian Analisis Keperluan Fasa I	92
3.3.1.1	Persampelan Penyelaras dan Penolong Kanan	92
3.3.1.2	Persampelan Ibu Bapa	95
3.3.2	Persampelan Kajian Fasa III	96
3.4	Instrumen Kajian	97
3.4.1	Instrumen Kajian Analisis Keperluan Fasa I	97
3.4.1.1	Kesahan Isi Kandungan Instrumen TAKPS	100
3.4.2	Instrumen Kajian Penilaian Modul Fasa III	104
3.4.2.1	Soal Selidik Penilaian Kualiti Modul (PK _{Modul})	104
3.4.2.1.1	Kesahan Isi Kandungan Instrumen PK _{Modul}	106
3.4.2.2	Soal Selidik Profil Penilaian Intervensi-15 (IRP-15)	110
3.4.2.2.1	Penterjemahan Bahasa dan Kesahan Isi Kandungan IRP-15	111

3.5	Kajian Rintis	113
3.5.1	Kebolehpercayaan Soal Selidik TAKPS	114
3.5.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik PK _{Modul} dan IRP-15	115
3.6	Prosedur Pengumpulan Data Fasa I	116
3.7	Prosedur Analisis Data Fasa I	118
3.7.1	Analisis untuk Mengenal Pasti Ciri-ciri Psikometrik Instrumen Kajian Fasa I	118
3.7.1.1	Penyemakan Kebolehpercayaan Instrumen	119
3.7.1.2	Penyemakan Kesahan Konstruk TAKPS	119
3.7.2	Analisis untuk Menjawab Persoalan Kajian Fasa I	121
3.8	Fasa II: Reka Bentuk dan Pembinaan Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) Menengah	122
3.9	Prosedur Pengumpulan Data Fasa III	123
3.9.1	Pengumpulan Data Kuantitatif Fasa III	123
3.9.2	Pengumpulan Data Kualitatif Fasa III	124
3.10	Analisis Data Fasa III	124
3.11	Rumusan	127
BAB 4 - KAJIAN FASA I: DAPATAN ANALISIS KEPERLUAN		129-177
4.1	Pendahuluan	129
4.2	Kadar Penglibatan Responden Kajian Fasa I	130
4.3	Profil Responden Kajian Fasa I	131
4.4	Analisis Deskriptif Item-item Dalam Instrumen Kajian	134
4.4.1	Analisis Deskriptif Item-item TAKPS Versi Guru	134
4.4.2	Analisis Deskriptif Item-item TAKPS Versi Ibu Bapa	135
4.5	Analisis Dapatan Kajian Fasa I	136
4.5.1	Analisis Persoalan Kajian 1.5.1.1	136
4.5.1.1	Penentuan Konstruk Dalam Bahagian II TAKPS Versi Guru	138
4.5.1.2	Penentuan Konstruk Dalam Bahagian III TAKPS Versi Guru	145
4.5.2	Analisis Persoalan Kajian 1.5.2.1	152
4.5.2.1	Persepsi Penolong Kanan dan Penyelaras Terhadap Seksualiti Murid Bermasalah Pembelajaran	153

4.5.2.2	Keyakinan Penolong Kanan dan Penyelaras Terhadap Diri dan Kurikulum Sedia Ada	154
4.5.2.3	Persepsi Penolong Kanan dan Penyelaras Terhadap Keperluan Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran	157
4.5.2.4	Persepsi Penolong Kanan dan Penyelaras Terhadap Tingkah Laku Seksual Murid Bermasalah Pembelajaran	160
4.5.3	Analisis Persoalan Kajian 1.5.3.1	161
4.5.3.1	Persepsi Ibu Bapa Terhadap Seksualiti Anak Bermasalah Pembelajaran	162
4.5.3.2	Keyakinan Ibu Bapa Dalam Penyampaian Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran	163
4.5.3.3	Persepsi Ibu Bapa Terhadap Keperluan Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran	164
4.5.3.4	Persepsi Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Seksual Anak Bermasalah Pembelajaran	167
4.5.4	Analisis Persoalan Kajian 1.5.4.1	168
4.5.5	Analisis Persoalan Kajian 1.5.4.2	170
4.5.6	Analisis Persoalan Kajian 1.5.4.3	172
4.6	Kesimpulan Kajian Fasa I	176
BAB 5 - KAJIAN FASA II: REKA BENTUK dan PEMBINAAN MODUL		178-227
5.1	Pengenalan	178
5.2	Reka Bentuk dan Pembinaan Draf Modul	180
5.2.1	Langkah Pertama : Pemilihan Isi Kandungan	180
5.2.2	Langkah Kedua: Mengenal Pasti Teori, Rasional, Falsafah, Sasaran dan Tempoh Masa	181
5.2.3	Langkah Ketiga : Pembinaan Matlamat	183
5.2.4	Langkah Keempat: Menetapkan Objektif	185
5.2.5	Langkah Kelima: Pemilihan Strategi	190
5.2.5.1	Objektif Pengajaran	192
5.2.5.2	Peruntukan Masa	193
5.2.5.3	Sasaran Modul	193
5.2.5.4	Bahan Bantu Mengajar	195
5.2.5.5	Kolaborasi Bersama	196

5.2.5.5.1	MPSMP Peringkat Menengah Sebagai Mata Pelajaran Tunggal	197
5.2.5.5.1.1	Kolaborasi Guru Pendidikan Seksualiti Dengan Guru Mata Pelajaran Lain	197
5.2.5.5.1.2	Kolaborasi Guru Dengan Agensi Luar	198
5.2.5.5.2	MPSMP Peringkat Menengah Sebagai Mata Pelajaran Merentas Kurikulum	199
5.2.5.6	Permulaan Pengajaran	199
5.2.5.7	Penyampaian Isi Pelajaran	200
5.2.5.7.1	Peringkat Memodel	201
5.2.5.7.2	Peringkat Membimbing	201
5.2.5.7.3	Peringkat Mencuba	203
5.2.5.7.4	Peringkat Penutup	203
5.2.6	Langkah Keenam: Penyediaan Media	205
5.2.7	Langkah Ketujuh Dan Kelapan: Menyatukan Draf Modul Untuk menghasilkan Draf Lengkap	210
5.2.7.1	Reka Bentuk Kulit Draf Lengkap MPSMP Peringkat Menengah	210
5.2.7.2	Isi Kandungan Draf Lengkap MPSMP Peringkat Menengah	211
5.2.7.2.1	Bahagian Awal MPSMP Peringkat Menengah	211
5.2.7.2.2	Bahagian Teks MPSMP Peringkat Menengah	213
5.2.7.2.3	Bahagian Akhir MPSMP Peringkat Menengah	216
5.2.8	Langkah Kesembilan: Pengujian Kesahan Isi Kandungan	218
5.2.8.1	Penilaian Kesahan Isi Kandungan Instrumen Kajian	219
5.2.8.2	Kesahan Isi Kandungan MPSMP Peringkat Menengah	219
5.2.8.3	Penilaian Kualiti Dan Penerimaan Sosial Terhadap MPSMP Peringkat Menengah Oleh Pakar Bidang	221
5.3	Kajian Rintis untuk Menilai MPSMP Peringkat Menengah	224

5.4	Kajian Selanjut	226
5.5	Rumusan	226
BAB 6 - KAJIAN FASA III: DAPATAN PENILAIAN KUALITI dan PENERIMAAN SOSIAL TERHADAP MODUL		228-285
6.1	Pengenalan	228
6.2	Kadar penglibatan Responden Kajian Fasa III	228
6.3	Profil Responden Kajian Fasa III	230
6.4	Analisis Deskriptif Item dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	235
6.4.1	Analisis Deskriptif Item dan Kebolehpercayaan PK _{Modul}	235
6.4.1.1	Analisis Deskriptif Item PK _{Modul} oleh Guru PKBP	237
6.4.1.2	Analisis Deskriptif Item-item PK _{Modul} oleh Ibu Bapa	238
6.4.2	Analisis Deskriptif Item dan Kebolehpercayaan IRP-15	239
6.4.2.1	Analisis Deskriptif Item-item IRP-15 Versi Guru	241
6.4.2.2	Analisis Deskriptif Item-item Dalam IRP-15 Versi Ibu Bapa	243
6.5	Analisis Dapatan Kajian Fasa III	245
6.5.1	Analisis Persoalan Kajian 1.5.6.1	245
6.5.1.1	Penilaian Konstruk Kualiti Kandungan MPSMP Peringkat Menengah oleh Guru PKBP	245
6.5.1.2	Penilaian Konstruk Potensi Keberkesanan MPSMP Peringkat Menengah oleh Guru PKBP	252
6.5.1.3	Penilaian Konstruk Kepuasan Keseluruhan MPSMP Peringkat Menengah oleh Guru PKBP	258
6.5.2	Analisis Persoalan Kajian 1.5.6.2	261
6.5.2.1	Penilaian Konstruk Kualiti Kandungan MPSMP Peringkat Menengah oleh Ibu bapa	261
6.5.2.2	Penilaian Konstruk Potensi Keberkesanan MPSMP Peringkat Menengah oleh Ibu Bapa	267
6.5.2.3	Penilaian Konstruk Kepuasan Keseluruhan MPSMP Peringkat Menengah oleh Ibu bapa	272
6.5.2.4	Ringkasan Keseluruhan Konstruk Kualiti	274
6.5.3	Analisis Persoalan Kajian 1.5.6.3	275
6.5.4	Analisis Persoalan Kajian 1.5.6.4	276
6.5.5	Analisis Persoalan Kajian 1.5.7.1	277

6.5.6	Analisis Persoalan Kajian 1.5.7.2	279
6.5.7	Analisis Persoalan Kajian 1.5.7.3	280
6.5.8	Analisis Persoalan Kajian 1.5.8.1	281
6.6	Triangulasi Dapatan Kajian Fasa III	283
6.7	Kesimpulan Kajian Fasa III	285
BAB 7 – PERBINCANGAN		286-316
7.1	Pengenalan	286
7.2	Masalah Tingkah Laku Seksual Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran	286
7.3	Persepsi Guru dan Ibu Bapa Terhadap Keperluan Pendidikan Seksualiti Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran	288
7.4	Elemen Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran Konteks Tempatan	296
7.5	Reka Bentuk Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) Peringkat Menengah	301
7.6	Penilaian Kualiti MPSMP Peringkat Menengah	302
7.7	Penilaian Penerimaan Sosial Terhadap MPSMP Peringkat Menengah	305
7.8	Penilaian Keseluruhan (Kualiti dan Penerimaan Sosial) MPSMP Peringkat Menengah	307
7.9	Sumbangan Hasil Kajian	309
7.10	Limitasi dan Cadangan Kajian Lanjutan	313
7.11	Kesimpulan Kajian	314
BIBLIOGRAFI		317-335
LAMPIRAN		336-418

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Bab 1		
1.1	Elemen-elemen pendidikan seksualiti dalam komponen Kurikulum Alternatif PKBP dan KSSR bermasalah pembelajaran	4
1.2	Dapatan temu bual dengan guru PKBP sekolah peringkat menengah	4
1.3	Objektif kajian dan persoalan kajian	11
1.4	Hipotesis nol dan kaedah statistik untuk menguji hipotesis nol	14
1.5	Masalah tingkah laku seksual kanak-kanak bermasalah pembelajaran	21
Bab 2		
2.1	Krisis psikososial Eric Erikson	30
2.2	Krisis perkembangan psikososial identiti melawan kekeliruan identiti	32
2.3	Pengenalpastian tingkah laku seksual berdasarkan pendekatan A-B-C	35
2.4	Pertimbangan guru terhadap sesuatu masalah tingkah laku seksual	36
2.5	Perbandingan kandungan pendidikan seksualiti umum antara modul-modul SIECUS, agensi kerajaan Malaysia dan badan-badan NGO dalam negara	57
2.6	Tajuk-tajuk pendidikan seksualiti yang didapati berulang dalam modul-modul SIECUS, agensi kerajaan Malaysia dan badan-badan NGO dalam negara	59
2.7	Perbandingan pelbagai kandungan seksualiti untuk KKBP peringkat menengah	62
2.8	Tajuk-tajuk pendidikan seksualiti yang didapati berulang dalam modul tempatan dan luar negara	64
2.9	Topik pendidikan seksualiti yang wujud dalam kedua-dua pendidikan seksualiti umum dan pendidikan seksualiti masalah pembelajaran peringkat menengah	64
2.10	Contoh perancangan strategi pengajaran berdasarkan empat kategori pengetahuan Romiszowski (1999)	73
2.11	Contoh perancangan strategi pengajaran (rancangan mengajar) berdasarkan Taksonomi Bloom	73

2.12	Kategori indikator kualiti	76
Bab 3		
3.1	Liputan Program Pendidikan Khas Intergrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKI BP) peringkat menengah mengikut negeri di Malaysia	93
3.2	Perwakilan bilangan responden setiap zon selepas persampelan berstrata I	94
3.3	Perwakilan bilangan responden setiap negeri dari setiap zon selepas persampelan berstrata II	95
3.4	Bilangan soalan mengikut aspek kajian dalam Bahagian II TAKPS versi guru	98
3.5	Modifikasi istilah dalam TAKPS	101
3.6	Item-item Bahagian II TAKPS yang didapati berulang	102
3.7	Item-item dwi-maksud (<i>double-barreled</i>) dalam Bahagian II yang telah ditulis semula.	102
3.8	Perbandingan bilangan item mengikut setiap bahagian dalam TAKPS versi guru dan versi ibu bapa	104
3.9	Bilangan item dalam Bahagian II PK _{Modul}	105
3.10	Soalan terbuka dalam Bahagian III PK _{Modul}	106
3.11	Pengubahsuaian dari segi organisasi item dalam PK _{Modul} berdasarkan cadangan pakar-pakar bidang	107
3.12	Item-item dalam PK _{Modul} yang didapati berulang	108
3.13	Penyusunan semula bagi item-item yang tidak sesuai dari segi bahasa	108
3.14	Bilangan item setiap bahagian dalam PK _{Modul} selepas semakan pakar bidang	109
3.15	Dapatan analisis deskriptif dan nilai alfa <i>Cronbach</i> bagi TAKPS versi guru dan ibu bapa	115
3.16	Dapatan analisis deskriptif dan nilai alfa <i>Cronbach</i> bagi PK _{Modul} dan IRP-15	116
3.17	Persoalan kajian dan jenis analisis statistik yang digunakan pada Fasa I	122
3.18	Persoalan kajian dan jenis analisis statistik yang digunakan pada Fasa III	127
Bab 4		
4.1	Bilangan dan kadar penglibatan penolong kanan dan penyelarass PPKI BP	130
4.2	Perbandingan taburan penolong kanan dan penyelarass PPKI BP	130

4.3	Bilangan dan kadar penglibatan ibu bapa dalam kajian Fasa I	131
4.4	Maklumat demografi responden kajian Fasa I	133
4.5	Dapatan analisis deskriptif TAKPS versi guru	134
4.6	Dapatan analisis deskriptif TAKPS versi ibu bapa	135
4.7	Nilai KMO dan ujian <i>Bartlett</i> bagi Bahagian II dan Bahagian III TAKPS	138
4.8	Nilai muatan faktor berdasarkan analisis komponen utama pada bahagian II TAKPS versi guru	139
4.9	Nilai muatan faktor Bahagian II TAKPS berdasarkan analisis komponen utama dengan putaran <i>varimax</i> (N = 314)	141
4.10	Nilai muatan dan nilai <i>communality</i> item-item dalam bahagian II TAKPS versi guru bagi keempat-empat faktor (N = 314)	143
4.11	Analisis deskriptif dan pekali alfa <i>Cronbach</i> untuk keempat-empat faktor dalam bahagian II TAKPS versi guru (N = 314)	144
4.12	Nilai muatan faktor berdasarkan analisis komponen utama pada bahagian III TAKPS	146
4.13	Nilai muatan faktor Bahagian III TAKPS berdasarkan analisis komponen utama dengan putaran <i>Oblimin</i> (N = 314)	148
4.14	Kandungan item dan nilai muatan faktor bagi ketiga-tiga komponen dalam Bahagian III TAKPS	150
4.15	Analisis deskriptif dan nilai alfa <i>Cronbach</i> untuk ketiga-tiga faktor dalam bahagian III TAKPS versi guru (N = 314)	151
4.16	Persepsi penolong kanan dan penyelarar terhadap seksualiti murid bermasalah pembelajaran	153
4.17	Keyakinan penolong kanan dan penyelarar terhadap diri dan kurikulum	155
4.18	Persepsi penolong kanan dan penyelarar terhadap keperluan pendidikan seksualiti masalah pembelajaran peringkat menengah	157
4.19	Persepsi penolong kanan dan penyelarar terhadap tingkah laku seksual murid	160
4.20	Persepsi ibu bapa terhadap seksualiti anak bermasalah pembelajaran	162
4.21	Keyakinan ibu bapa terhadap penyampaian pendidikan seksualiti anak bermasalah pembelajaran menengah	164

4.22	Persepsi ibu bapa terhadap keperluan pendidikan seksualiti masalah pembelajaran menengah	165
4.23	Persepsi ibu bapa terhadap tingkah laku seksual anak bermasalah pembelajaran	167
4.24	Kandungan elemen Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran	169
4.25	Nilai khi kuasa dua untuk item-item di bawah faktor 1 dan faktor 3	171
4.26	Padanan item dengan dimensi SIECUS (2004)	173
4.27	Kandungan dalam MPSMP peringkat menengah	175
Bab 5		
5.1	Elemen-elemen pendidikan seksualiti selepas proses analisis kajian Fasa I	181
5.2	Kategori pengetahuan dan aras kemahiran bagi objektif pengajaran MPSMP	187
5.3	Pemilihan media dalam MPSMP peringkat menengah	207
5.4	Jenis dan bilangan media pengajaran yang dibina	209
5.5	Susunan dan muka surat kandungan MPSMP peringkat menengah	217
5.6	Indeks sisihan purata berdasarkan min item ($AD_{M(j)}$) bagi setiap item dalam IRP-15 oleh keempat-empat pakar bidang yang dirujuk	223
5.7	Komen subjek rintis dan penambahbaikan terhadap MPSMP peringkat menengah	225
Bab 6		
6.1	Bilangan dan kadar penglibatan guru	229
6.2	Bilangan dan kadar penglibatan ibu bapa dalam kajian fasa III	229
6.3	Demografik responden kajian Fasa III	234
6.4	Domain indikator kualiti modul	236
6.5	Dapatan analisis deskriptif dan nilai alfa <i>Cronbach</i> untuk ketiga-tiga konstruk kualiti modul	236
6.6	Dapatan analisis deskriptif pada bahagian II PK _{Modul} versi guru	238
6.7	Dapatan analisis deskriptif bahagian II PK _{Modul} versi ibu bapa	239
6.8	Dapatan analisis deskriptif item-item dalam IRP-15	240
6.9	Dapatan analisis deskriptif IRP-15 versi guru	241

6.10	Dapatan analisis deskriptif bagi IRP-15 versi ibu bapa	243
6.11	Dapatan penilaian konstruk kualiti kandungan MPSMP oleh guru PKBP	246
6.12	Pencapaian penilaian konstruk potensi keberkesanan MPSMP peringkat menengah oleh guru PKBP	253
6.13	Pencapaian penilaian konstruk kepuasan keseluruhan MPSMP peringkat menengah oleh guru PKBP	259
6.14	Pencapaian penilaian konstruk kualiti kandungan MPSMP peringkat menengah oleh ibu bapa	261
6.15	Pencapaian penilaian konstruk potensi keberkesanan MPSMP oleh ibu bapa	267
6.16	Pencapaian penilaian konstruk kepuasan keseluruhan MPSMP peringkat menengah oleh ibu bapa	272
6.17	Perbandingan julat peratusan persetujuan antara responden terhadap konstruk kualiti MPSMP peringkat menengah	275
6.18	Dapatan korelasi <i>Spearman Rank Order</i> antara penilaian kualiti oleh guru dan penilaian kualiti oleh ibu bapa terhadap MPSMP peringkat menengah	275
6.19	Pencapaian penilaian konstruk penerimaan sosial terhadap MPSMP peringkat menengah oleh guru PKBP	278
6.20	Pencapaian penilaian konstruk penerimaan sosial terhadap MPSMP peringkat menengah oleh ibu bapa	279
6.21	Dapatan korelasi <i>Spearman Rank Order</i> antara penilaian penerimaan sosial oleh guru dan ibu bapa terhadap MPSMP peringkat menengah	281

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
Bab 2		
2.1	Strategi untuk mengajar pengetahuan (Romiszowski, 1999:58)	69
2.2	Kerangka teoritikal reka bentuk MPSMP peringkat menengah (adaptasi daripada Romiszowski, 1999:56-65)	72
2.3	Kerangka konseptual kajian	83
Bab 3		
3.1	Reka bentuk kajian	87
3.2	Perkembangan proses reka bentuk dan pembinaan modul	90
Bab 4		
4.1	Plot taburan untuk bahagian II TAKPS versi guru	140
4.2	Taburan item bagi keempat-empat faktor Bahagian II TAKPS	145
4.3	Taburan plot untuk bahagian III TAKPS versi guru	147
4.4	Taburan item bagi ketiga-tiga faktor Bahagian III TAKPS versi guru	152
Bab 5		
5.1	Reka bentuk dan pembinaan MPSMP peringkat menengah (adaptasi daripada Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005)	179
5.2	Kerangka teoritikal menjadi panduan pembinaan MPSMP peringkat menengah	182
5.3	Contoh penerangan mengenai sasaran dalam MPSMP peringkat menengah	183
5.4	Contoh paparan matlamat utama dalam MPSMP peringkat menengah	184
5.5	Contoh paparan matlamat utama bersesuaian dengan dimensi pengajaran yang berkaitan	185
5.6	Perbezaan di antara Taksonomi Bloom dan Taksonomi Bloom semakan semula (Anderson, Krathwohl, et al., 2001)	186
5.7	Jalinan objektif-objektif pengajaran bagi tajuk dan topik di bawah Dimensi 3: Hubungan	189

5.8	Contoh paparan objektif pengajaran bagi tajuk 21 dalam MPSMP peringkat menengah	189
5.9	Strategi Pengajaran Model+Bimbing+Cuba (Lee, 2009; 2012)	192
5.10	Contoh objektif pengajaran bagi tajuk ‘Kelahiran Saya’ dalam MPSMP peringkat menengah	193
5.11	Sasaran berlainan untuk tajuk-tajuk tertentu dalam MPSMP peringkat menengah	194
5.12	Contoh lembaran kerja untuk KKBP aras sederhana	195
5.13	Contoh lembaran kerja untuk KKBP aras rendah	195
5.14	Cadangan bahan bantu mengajar	196
5.15	Kolaborasi guru pendidikan seksualiti dengan guru mata pelajaran lain	197
5.16	Kolaborasi guru pendidikan khas dengan agensi luar	198
5.17	Penyampaian MPSMP peringkat menengah secara merentasi kurikulum lain	199
5.18	Contoh set induksi dan memperkenalkan pengajaran bagi tajuk 16 ‘Kemahiran Mengatakan Tidak’ dalam MPSMP peringkat menengah	200
5.19	Contoh peringkat memodel	201
5.20	Contoh peringkat membimbing	202
5.21	Contoh peringkat mencuba	203
5.22	Contoh penilaian yang disediakan dalam MPSMP peringkat menengah	204
5.23	Contoh surat kepada ibu bapa dan contoh lembaran kerja rumah	205
5.24	Pemilihan media pengajaran	208
5.25	Contoh media pengajaran yang diperlukan untuk tajuk 22 ‘Aik, Berhati-hati !’	208
5.26	Jenis-jenis bahan pengajaran dan video klip dalam cakera padat yang dibekalkan bersama MPSMP peringkat menengah	209
5.27	Reka bentuk kulit MPSMP peringkat menengah	211
5.28	Susunan dan muka surat tajuk MPSMP menengah mengikut dimensi pendidikan seksualiti	213
5.29	Struktur penyusunan kandungan MPSMP peringkat menengah	214
5.30	Organisasi Unit A dan Unit B dalam Bahagian Utama MPSMP peringkat menengah	214

5.31	Contoh penyusunan topik dan tajuk pengajaran pendidikan seksualiti dalam Dimensi Hubungan	215
5.32	Nota maklumat bagi Dimensi Tingkah Laku Seksual	216
5.33	Contoh cadangan jawapan dalam MPSMP peringkat menengah	216
5.34	Draf lengkap dan CD bahan pengajaran MPSMP peringkat menengah	218
Bab 6		
6.1	Taburan responden kajian mengikut zon di Semenanjung Malaysia	231
6.2	Kategori umur kanak-kanak yang sering menunjukkan masalah tingkah laku seksual pada pendapat guru	232
6.3	Kategori umur kanak-kanak yang sering menunjukkan masalah tingkah laku seksual pada pendapat ibu bapa	233
6.4	Taburan data bagi IRP-15	241
6.5	Taburan item dalam IRP-15 versi guru	242
6.6	Taburan item bagi IRP-15 versi ibu bapa	244
6.7	Maklumat yang dikenal pasti daripada teks naratif guru terhadap kualiti kandungan MPSMP peringkat menengah	248
6.8	Maklumat yang dikenal pasti daripada teks naratif guru PKBP terhadap potensi keberkesanan MPSMP peringkat menengah	254
6.9	Maklumat yang dikenal pasti daripada teks naratif ibu bapa terhadap kualiti kandungan MPSMP peringkat menengah	263
6.10	Maklumat yang dikenal pasti daripada teks naratif ibu bapa terhadap potensi keberkesanan MPSMP peringkat menengah	269

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	:	Analysis of Variance
BBM	:	Bahan Bantu Mengajar
EFA	:	Analisis Faktor Eksploratori
EPRD	:	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
GPPSK	:	Garis Panduan Pendidikan Seksualiti Kebangsaan
ICPD	:	Program Bertindak Persidangan Antarabangsa Mengenai Kependudukan dan Pembangunan
IPGM	:	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPPF	:	Piagam mengenai hak-hak seksual dan reproduktif
IRP-15	:	Profil Penilaian Intervensi-15
JU	:	Jurulatih Utama
KKBP	:	Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	:	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KUP	:	Khas Untuk Penyandang
LORI	:	The Learning Object Review Instrument
LPPKN	:	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MANOVA	:	Multivariate Analysis of Variance
MERLOT	:	The Multimedia Educational Resource for Learning and Online Teaching
MPSMP	:	Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran
NGO	:	Badan Bukan Kerajaan
NUTP	:	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
OKU	:	Orang Kurang Upaya
PBB	:	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDK	:	Pusat Pemulihan Dalam Komuniti
PDRM	:	Polis Diraja Malaysia
PIPP	:	Pelan Induk Perancangan Pendidikan
PKBP	:	Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran
PKK/S	:	Pendidikan Kesihatan Keluarga/ Seksualiti
PK_{Modul}	:	Soal Selidik Penilaian Kualiti Modul

PKRS	:	Pendidikan Kesehatan Reproduksi dan Sosial
PLKN	:	Program Latihan khidmat Negara
PLPPSK	:	Pakej Latihan Pendidikan Penderaan Seksual Kanak-Kanak
PPKI BP	:	Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran
PPM	:	Pegawai Pembantu Murid
RHAM	:	Reproductive Health of Adolescents Module
SIECUS	:	Sex Education Council of the United States
SPSS	:	Statistical Packages for Social Sciences
WCC	:	Women's Centre for Change

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
3.1	Soal Selidik Tinjauan Analisis Keperluan Pendidikan Seksualiti (TAKPS) Masalah Pembelajaran Versi Guru	336
3.2	Soal Selidik Tinjauan Analisis Keperluan Pendidikan Seksualiti (TAKPS) Masalah Pembelajaran Versi Ibu Bapa	343
3.3	Soal Selidik Penilaian Kualiti Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (PK _{Modul})	349
3.4	Kebenaran Menggunakan IRP-15 daripada Pembina Instrumen	355
3.5	Profil Penilaian Intervensi-15 (IRP-15) Versi Guru	356
3.6	Profil Penilaian Intervensi-15 (IRP-15) Versi Ibu Bapa	357
3.7	Hasil Kajian Rintis Soal Selidik Tinjauan Analisis Keperluan Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran	358
3.8	Ketekalan dalam Soal Selidik Penilaian Kualiti Modul (PK _{Modul})	361
3.9	Ketekalan Dalam Soal Selidik IRP-15	363
4.1	Nilai Ukuran Kecenderungan Memusat dan Nilai Ukuran Serakan Item-item TAKPS Versi Guru	364
4.2	Nilai Ukuran Kecenderungan Memusat dan Nilai Ukuran Serakan Item-item TAKPS Versi Ibu Bapa	367
4.3	Nilai Eigen dan Peratus Varians Bahagian II TAKPS Versi Guru	370
4.4	Nilai Komponen Matrik bagi Item-item Bahagian II TAKPS Versi Guru	371
5.1	Dimensi Hubungan dalam Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) Peringkat Menengah	372
5.2	Penambahbaikan MPSMP Peringkat Menengah Berdasarkan Komen Pakar Bidang yang Dirujuk	396
5.3	Komen Panel Pakar Terhadap MPSMP Peringkat Menengah yang Telah Dimurnikan	398

5.4	Penilaian Kualiti Modul oleh Pakar-pakar Bidang	399
5.5	Indeks Sisihan Purata Berdasarkan Min Item ($AD_{M(j)}$) bagi Setiap Item dalam Soal Selidik Penilaian Kualiti Modul oleh Keempat-empat Pakar Bidang yang Dirujuk	402
5.6	Penilaian Penerimaan Sosial oleh Pakar-pakar Bidang	404
6.1	Ketekalan Dalaman Soal Selidik Kualiti Modul (PK_{Modul})	405
6.2	Ketekalan Dalaman Soal Selidik IRP-15	408
6.3	Nilai Ukuran Kecenderungan dan Nilai Ukuran Serakan Bahagian II Pk_{modul} Bagi Guru PKBP	409
6.4	Nilai Ukuran Kecenderungan dan Nilai Ukuran Serakan Bahagian II Pk_{modul} Bagi Responden Ibu Bapa	412
6.5	Nilai Ukuran Kecenderungan dan Nilai Ukuran Serakan IRP-15 Versi Guru	415
6.6	Nilai Ukuran Kecenderungan dan Nilai Ukuran Serakan Soal Selidik IRP-15 Versi Ibu Bapa	416
7.1	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	417
7.2	Surat Data Jenayah Seksual dan Melibatkan Orang Kurang Upaya dari Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman.	418

**PEMBINAAN MODUL PENDIDIKAN SEKSUALITI MASALAH
PEMBELAJARAN PERINGKAT MENENGAH: SATU KAJIAN
BERDASARKAN ANALISIS KEPERLUAN**

ABSTRAK

Pendidikan seksualiti merangkumi perkembangan seksual, reproduksi manusia, kesihatan, hubungan interpersonal, perasaan kasih sayang, hubungan rapat, bahasa badan dan peranan gender seseorang. Pendidikan ini penting untuk membekalkan maklumat, membina nilai, membina kemahiran interpersonal, dan konsep kebertanggungjawaban pada diri KKBP. Namun masalah kurang keyakinan dalam kalangan guru dan ibu bapa serta kurang bahan pengajaran menjadikan cabaran besar kepada hasrat untuk menyampaikan pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak ini. Kajian ini mempunyai dua tujuan utama. Tujuan pertama ialah untuk melaksanakan analisis keperluan bagi mengenal pasti persepsi guru dan ibu bapa terhadap keperluan pendidikan seksualiti masalah pembelajaran, serta untuk mengenal pasti isi kandungan yang sesuai untuk diterapkan di dalam modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran. Tujuan kedua ialah untuk membina modul, menilai kualiti modul, dan menilai penerimaan sosial terhadap modul tersebut. Reka bentuk kajian 'mixed-methods' jenis model *QUAN-qual* dilaksanakan dalam tiga fasa. Fasa I ialah kajian tinjauan mengenai analisis keperluan pendidikan seksualiti masalah pembelajaran. Fasa II ialah kajian mereka bentuk dan pembinaan modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran berdasarkan dapatan kajian Fasa I. Fasa III ialah kajian tinjauan mengenai penilaian kualiti dan penilaian penerimaan sosial terhadap modul tersebut oleh pihak berkepentingan dalam pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Kaedah analisis data merangkumi analisis deskriptif, analisis faktor, Khi kuasa dua, *Spearman Rank Order*, *ANOVA*, *MANOVA* dan analisis kualitatif. Kajian Fasa I yang melibatkan 314 orang guru dan ibu bapa. Dapatan menunjukkan walaupun guru dan ibu bapa berpersepsi positif terhadap keperluan pendidikan seksualiti masalah pembelajaran, mereka kurang yakin terhadap diri dan kurikulum sedia ada dalam menyampaikan pendidikan seksualiti kepada KKBP. Sebanyak 24 topik pendidikan seksualiti juga telah dikenal pasti sebagai isi kandungan yang sesuai untuk membina modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran peringkat menengah. Dapatan ini telah digunakan sebagai input untuk mereka bentuk dan membina modul pada kajian Fasa II. Dapatan kajian Fasa II ialah sebuah modul yang

diberi nama Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) yang mengandungi 24 topik dan 48 tajuk. Seterusnya modul ini telah dinilai dari segi kualiti (kandungan, potensi keberkesanan dan kepuasan keseluruhan) dan penerimaan sosial oleh 89 orang guru dan 59 orang ibu bapa. Dapatan Fasa III menunjukkan MPSMP peringkat menengah telah dianggap berkualiti dan diterima oleh guru dan ibu bapa. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa analisis keperluan perlu dilaksanakan sebelum membangunkan modul pendidikan seksualiti untuk kanak-kanak berkeperluan khas disebabkan topik seksualiti merupakan isu yang sensitif. Sumbangan utama kajian ini ialah kejayaan menghasilkan MPSMP yang lengkap, telah dinilai dan diterima oleh masyarakat berkepentingan, dan siap untuk digunakan oleh guru dan ibu bapa bagi mengajar pendidikan seksualiti kepada KKBP peringkat menengah.

DEVELOPMENT OF A SEXUALITY EDUCATION MODULE FOR SECONDARY STUDENTS WITH LEARNING DISABILITIES: A NEEDS ANALYSIS BASED RESEARCH

ABSTRACT

Sexuality education is lifelong education that encompasses sexual development, human reproduction, health, interpersonal relationships, affection, intimacy, body language and, gender roles. Sexuality education is important to provide information, development of values and attitudes, interpersonal skills, and a sense of responsibility in children with learning disabilities (LD). However, the lack of confidence among teachers and parents, and the lack of teaching materials pose great challenges to the delivery of sexuality education to these children. This study had two purposes. The first purpose was to perform a needs analysis to identify the teachers and parents perceptions on the needs of sexuality education for children with LD, and to identify the appropriate content to be included in a sexuality education module for LD at secondary level. The second purpose was to design, develop and to evaluate a sexuality education module for secondary students with LD. The module was evaluated for both quality and for social acceptance. A mixed-method research design with QUAN-qual model was implemented in three phases. Phase I was a needs analysis survey on sexuality education for LD. Phase II was to design and develop a sexuality education module based on the results obtained from Phase I. Phase III was an evaluation study to assess quality and social acceptance of the developed module by the stakeholders. Descriptive analysis, factor analysis, Chi square, Spearman Rank Order, ANOVA, MANOVA and qualitative analysis were used to analyze the data obtained. Phase I involved 314 teachers and parents. Findings indicated that although the teachers and parents were positive towards sexuality education for LD, they lacked confidence towards self and towards the existing curriculum in delivering sexuality education to LD children. Apart from this finding, 24 topics on sexuality education were also identified as suitable content for the sexuality education module. These topics were used as input to design and develop the module in Phase II. The result from Phase II is a complete sexuality education module named Module of Sexuality Education for Learning Disabilities (MPSMP). This module contained 24 topics and 48 sub-sections. Subsequently, the MPSMP module was evaluated in terms of quality (content, potential effectiveness and overall satisfaction) and social

acceptance by another group of 89 teachers and 59 parents. Findings showed that MPSMP was perceived to be of good quality and was found to be socially acceptable by special education teachers and parents. In conclusion, this study showed that needs analysis from stakeholders was necessary for developing the modules due to the sensitivity of the curriculum area. The major contribution of this study was a comprehensive sexuality education module, which had been evaluated and found to be ready for use by teachers and parents to teach sexuality education to secondary LD children.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Isu pendidikan seksualiti bukan perkara baru dalam pendidikan hari ini. Namun begitu, pelaksanaan pendidikan seksualiti atau membicarakan hal seksualiti merupakan isu kontroversi dan dianggap tabu oleh sesetengah pihak (Wazakili, 2010; Lee, Chen, Lee & Kaur, 2006). Ini disebabkan istilah ‘seks’ membawa konotasi yang berbeza kepada sesetengah orang dan hal ini masih dianggap stigma oleh masyarakat kita. Masyarakat kita umumnya berprasangka negatif terhadap isu pelaksanaan pendidikan seksualiti untuk kanak-kanak berkeperluan khas, khususnya mereka yang bermasalah pembelajaran (Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008). Oleh sebab itu, pendidikan seksualiti kanak-kanak berkeperluan khas setakat ini adalah terabai. Isu keperluan pendidikan seksualiti dalam kalangan kanak-kanak berkeperluan khas khususnya KKBP perlu diberi perhatian serius dan dikaji dengan lebih mendalam. Bab ini menghujahkan permasalahan yang wujud sekarang dalam pendidikan seksualiti untuk KKBP dan seterusnya menerangkan tujuan serta objektif kajian mengenai topik ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Seksualiti adalah perasaan atau kefahaman diri seseorang terhadap perubahan emosi dan respon fungsi biologikal, psikologikal serta sosial seksual yang bersifat multidimensi (Veiga, Teixeira, Martins & Meliø-Silvestre, 2006). Perasaan ini merangkumi aspek perkembangan manusia yang bersifat multidimensi dan komprehensif. Selain daripada fungsi anatomi, fisiologi dan sistem respons biokimia seksual manusia, seksualiti juga merangkumi aspek kognitif (kemahiran asertif, kebolehan membuat keputusan dengan bijak dan bertanggungjawab terhadap

keputusan tersebut), aspek afektif (perasaan kemesraan, diterima, disayangi, disukai dan dihargai antara dua insan), dan tingkah laku (hubungan interpersonal yang sihat dan kemahiran komunikasi yang efektif) manusia (Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008:310-311; Kong & Tan, 2010: 29, *Sexuality Information and Education Council of the United States* [SIECUS], 2004).

Pendidikan seksualiti pula merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat yang merangkumi kesemua dimensi seksualiti di atas untuk mencapai empat objektif, iaitu membekalkan maklumat, membina nilai, membina kemahiran interpersonal, dan membina konsep bertanggungjawab (Wazakili, 2010). Semakin besar seseorang individu, keperluan terhadap pendidikan seksualiti juga dikatakan semakin bertambah (Boehning, 2006). Ini bermakna isu pendidikan seksualiti seharusnya sebahagian daripada pendidikan khas untuk KKBP (Murphy & Elias, 2006).

Prasangka negatif terhadap pendidikan seksualiti muncul kerana ramai orang beranggapan bahawa pendidikan seksualiti bermaksud pendidikan berkaitan dengan perlakuan seks. Sebaliknya pendidikan seksualiti mencakupi dimensi yang luas dan meliputi pelbagai perspektif kehidupan manusia dan bukannya terbatas kepada makna seksual semata-mata (Kong & Tan, 2010; Amir Hasan Dawi, 2007).

Perilaku seks pula adalah suatu perlakuan dan merupakan sebahagian kecil daripada seksualiti (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2009). Masalah tingkah laku seksual lebih cenderung berlaku dalam kalangan KKBP peringkat menengah berbanding dengan KKBP peringkat sekolah rendah (Aparecida, 2009; Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008). Oleh sebab itu, Amir Hasan Dawi (2007) telah menegaskan bahawa pendidikan seksualiti perlu dilaksanakan di peringkat menengah kerana pada tahap ini pemahaman kanak-kanak tidak begitu bercelaru dan lebih mampu memahaminya dengan lebih jelas berdasarkan kematangan dan keupayaan inteleknya.

Pada tahun 2009, enrolmen murid dalam Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKI BP) menengah di Malaysia telah mencecah seramai 12,696 orang dan bilangan ini meningkat tahun demi tahun (Bahagian Pendidikan Khas, 2009). KKBP menerima pendidikan berdasarkan matlamat dan objektif pendidikan yang didukung oleh kedua-dua Kurikulum Alternatif Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (Jabatan Pendidikan Khas, 2004) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran 2010 (Bahagian Pendidikan Khas, 2011). Kedua-dua kurikulum ini memberi fokus kepada memenuhi keperluan KKBP ke arah mencapai kehidupan yang lebih bermakna (Bahagian Pendidikan Khas, 2010; Jabatan Pendidikan Khas, 2004). Walau bagaimanapun, penyampaian pendidikan seksualiti didapati tidak nyata dan hanya wujud secara tersirat dalam enam daripada sepuluh objektif kurikulum tersebut (Jabatan Pendidikan Khas, 2004; Bahagian Pendidikan Khas, 2010). Ini bermakna kewujudan pendidikan seksualiti masih kabur dalam kurikulum pendidikan khas bermasalah pembelajaran (PKBP) sekarang.

Analisis yang dilaksanakan oleh penyelidik menunjukkan bahawa elemen-elemen pendidikan seksualiti dalam kurikulum PKBP adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Berdasarkan definisi pendidikan seksualiti yang dibincangkan di atas, liputan elemen seksualiti dalam kurikulum PKBP adalah tidak menyeluruh.

Jadual 1.1

Elemen-elemen Pendidikan Seksualiti dalam Komponen Kurikulum Alternatif PKBP dan KSSR Bermasalah Pembelajaran

Komponen	Kurikulum Alternatif PKBP 2004	
	Tajuk	Peratus Liputan
Pengurusan Diri	i. Urus Diri ii. Kebersihan dan Kesihatan iii. Penggunaan tandas dan bilik air	60% (3/5 komponen)
Pendidikan Moral	i. Menjaga Keselamatan dan Kehormatan Diri ii. Sikap Bersih dari Segi Fizikal dan Mental iii. Sikap Kasih Sayang	18.8% (3/16 Komponen)
Komponen	Komponen KSSR Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran 2010	
Pengurusan Diri	i. Urus diri ii. Kebersihan diri iii. Peralatan kebersihan diri iv. Penggunaan tandas dan bilik air	66.7% (4/6 Komponen)
Pengurusan Tingkah Laku	i. Kemahiran sosial ii. Keselamatan diri iii. Tatasusila /Adab iv. Emosi	80% (4/5 Komponen)
Pendidikan Moral	i. Kasih Sayang	0.07% (1/14 Komponen)

(Sumber: Jabatan Pendidikan Khas, 2004; Bahagian Pendidikan Khas, 2010).

Satu tinjauan awal mengenai pelaksanaan pendidikan seksualiti di PPKI BP telah dijalankan oleh penyelidik. Tinjauan awal ini melibatkan beberapa guru PKBP peringkat menengah di sebuah negeri di Zon Utara Malaysia. Hasil temu bual dengan guru-guru PKBP mencerminkan hakikat bahawa ramai guru PKBP sebenarnya tidak menyedari akan kewujudan elemen-elemen pendidikan seksualiti dalam kurikulum PKBP sekarang (Jadual 1.2).

Jadual 1.2

Dapatan Temu Bual dengan Guru PKBP Sekolah Peringkat Menengah

- Guru A : *Kami tidak mengajar [pendidikan seksualiti]. Tidak ada sukatan (pendidikan seksualiti) untuk mereka [murid-murid PKBP].*
- Guru B : *Tidak ada sukatan [pendidikan seksualiti]. Murid-murid khas yang datang pada kami sudah boleh mengurus diri. Jadi Komponen Pengurusan Diri tidak diajar.*
- Guru C : *Ajar [Pengurusan Tingkah Laku] gitu-gitu sahaja. Murid-murid ini main pun sesama mereka saja. Tak pernah timbul apa-apa masalah. Tak pernah dengar pendidikan itu [pendidikan seksualiti]. Perlukah ?*

Masalah 'tidak menyedari' ini pasti memberi kesan kepada kualiti penyampaian pengetahuan seksualiti kepada KKBP. Selain itu, pengajaran Komponen Pengurusan Diri dalam kurikulum PKBP tidak diwajibkan kepada semua KKBP peringkat menengah. Ini disebabkan guru sering menganggap KKBP peringkat menengah tiada masalah mengurus diri. Mereka menganggap KKBP telah memperolehi kemahiran mengurus diri di PPKI BP sekolah rendah setelah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan sistem tempoh belajar 12+2 kepada KKBP (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002). Ini menyebabkan komponen Pengurusan Diri tidak dianggap penting kepada KKBP peringkat menengah. Rentetan daripada masalah di atas, kanak-kanak ini kekurangan pembelajaran pendidikan seksualiti, dan ini mungkin boleh menyebabkan mereka sering menunjukkan tingkah laku seksual yang tidak sesuai di depan khalayak ramai (Fyson, 2009; Kementerian Kesihatan Malaysia, 2009; Peckham, 2007).

1.3 Pernyataan Masalah

Bahagian ini menerangkan pernyataan masalah untuk kajian ini. Sifat KKBP peringkat menengah, kecenderungan mereka menjadi mangsa jenayah seksual, gejala kitaran ganas (*vicious cycle*), kelemahan pelaksanaan kurikulum sedia ada, sikap guru dan ibu bapa, kontroversi isu dalam masyarakat, ketiadaan bahan pengajaran pendidikan seksualiti khusus dan, kekurangan ataupun ketiadaan hasil kajian tempatan mengenai pendidikan seksualiti KKBP peringkat menengah semuanya menonjolkan masalah kajian ini.

Sifat dan masalah KKBP. Masalah tingkah laku seksual dikatakan kerap berlaku dalam kalangan KKBP yang berumur antara 15-16 tahun (Aparecida, 2009; Fyson, 2009). Walau bagaimanapun, setakat ini masih belum ada data tempatan mengenai tahap masalah tingkah laku seksual yang berlaku dalam kalangan kanak-

kanak ini di Malaysia. Masalah tingkah laku seksual ini adalah berpunca daripada ketidakmampuan kognitif yang dialami oleh kanak-kanak ini untuk memahami perkembangan fizikal dan perubahan-perubahan abstrak fisiologi yang sedang mereka alami (Lindsay, 2005). Ketidakmampuan kognitif ini, dan sifat mereka yang terlalu mudah dipengaruhi (Fyson, 2009; Peckham, 2007) serta naif (Dunn & Rea, 2006; Lindsay, 2005), menyebabkan kanak-kanak ini tidak dapat memahami dan membezakan di antara tingkah laku seksual yang sesuai dan yang tidak sesuai. Ini telah menyebabkan mereka sering menjadi mangsa penganiayaan dan eksploitasi seksual. Oleh sebab itu, pengetahuan mengenai penjagaan keselamatan diri dari segi penganiayaan dan eksploitasi seksual, kemahiran untuk komunikasi, pembinaan nilai serta moral perlu dibekalkan kepada mereka. Walau bagaimanapun, penyampaian pengetahuan ini masih tidak berlaku dalam sistem pendidikan khas di Malaysia hari ini.

Mangsa jenayah seksual dan gejala kitaran ganas (vicious cycle). Terdapat literatur yang melaporkan bahawa KKBP mudah menjadi mangsa jenayah seksual berbanding dengan rakan-rakan sebaya yang lain (Skarbek, Hahn & Parrish, 2009; Sullivan & Knutson, 2000). Di Malaysia, data kasar daripada Polis Diraja Malaysia (2012) mencatatkan kes jenayah seksual melibatkan orang kurang upaya (OKU) telah meningkat sebanyak 113% dari 2004 hingga 2011. 70% daripada kes rogol OKU yang dilaporkan melibatkan KKBP yang berumur di bawah 18 tahun (Polis Diraja Malaysia, 2012; Women's Centre for Change Penang, 2011). Selain daripada itu, kanak-kanak ini juga didapati melakukan kesalahan seksual (sex offender) sesama diri mereka (Her Majesty's Treasury, 2006; Murphy & Elias, 2006). Kitaran ganas ini telah mengakibatkan mereka mudah terdedah kepada pelbagai masalah kesihatan yang membimbangkan (Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008; Yacoub & Hall, 2008).

Justeru itu, penyediaan pendidikan seksualiti merupakan satu-satunya alternatif yang perlu dilakukan terhadap golongan ini (Fortune & Lambie, 2004; Fyson, 2009).

Kelemahan pelaksanaan kurikulum sedia ada. Di Malaysia, walaupun pendidikan seksualiti telah dilaksanakan secara merentas kurikulum perdana sejak 1989 (Azizah Jaafar & Chan, 2009; Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008), namun begitu dapatan kajian Lee et al. (2006) membuktikan bahawa penyampaian pendidikan seksualiti sekarang tidak membawa apa-apa kesan dalam memerangi gejala seksual remaja Malaysia hari ini. Ramai sarjana berpendapat bahawa kegagalan membekalkan pendidikan seksualiti kepada kanak-kanak sekolah khususnya KKBP itu berpunca daripada aspek kelemahan pelaksanaan kurikulum PKBP sedia ada (Swango-Wilson, 2009; Wazakili, 2010). Kekaburan elemen seksualiti di dalam kurikulum PKBP sedia ada telah menyebabkan guru PKBP tidak menyedari akan kepentingan pendidikan seksualiti untuk murid mereka. Ini secara langsung menyebabkan murid mereka kekurangan pengetahuan seksualiti dan seterusnya senang menjadi mangsa jenayah seksual. Penyediaan bahan pengajaran atau modul pendidikan seksualiti merupakan satu cara untuk mengatasi kelemahan ini.

Sikap dalam kalangan guru dan ibu bapa. Kedua-dua guru dan ibu bapa masih tidak selesa dan bersikap konservatif untuk menyampaikan maklumat-maklumat seksualiti kepada anak bermasalah pembelajaran mereka (Karanfiloski, 2008; Wazakili, 2010). Pelbagai alasan digunakan untuk tidak mengajar pendidikan seksualiti. Antaranya adalah kekurangan pengetahuan tentang pendidikan seksualiti, dan berperasaan tidak bersedia, tidak yakin, serta berperasaan konflik untuk mengajar. Mereka dikatakan cuba mengelakkan diri atau membiarkan sahaja kanak-kanak melakukan masalah tingkah laku seksual kerana beranggapan masalah ini akan menggugat integriti diri mereka sebagai seorang pendidik (Amir Hasan Dawi, 2007;

Aparecida, 2009; Garbutt, 2008). Maka, satu kajian analisis keperluan pendidikan seksualiti yang melibatkan ibu bapa dan guru PKBP amat diperlukan untuk mendapatkan persepsi mereka mengenai isu ini. Dalam kajian analisis keperluan yang melibatkan ibu bapa dan guru, faktor jantina juga dikaji sebab jantina ibu bapa dan guru mungkin mempengaruhi persepsi mereka terhadap penerimaan pendidikan seksualiti ini.

Isu kontroversi dalam masyarakat tempatan. Penerimaan pendidikan seksualiti masih dipertikaikan di dalam masyarakat tempatan. Buku pendidikan seksualiti "*Where Did I Come From*" oleh Peter Mayle (The Star online, 2010, 21 Februari) telah diperbincangkan dengan hebatnya oleh media masa kita. Buku ini didakwa memaparkan elemen-elemen yang boleh menggugat moraliti masyarakat Malaysia. Isu ini menunjukkan bahawa aspek kesensitifan budaya perlu diberi perhatian wajar dalam membincangkan pendidikan seksualiti di Malaysia. Bahan pendidikan seksualiti dari luar negara tidak semestinya bersesuaian jika diterjemahkan secara langsung dan digunakan bulat-bulat dalam konteks tempatan. Oleh sebab itu, satu kajian analisis keperluan perlu dilaksanakan dalam kalangan masyarakat berkepentingan (guru dan ibu bapa) untuk mengenal pasti elemen-elemen (isi kandungan) yang sesuai untuk diajar kepada KKBP tempatan.

Tiada bahan pengajaran pendidikan seksualiti yang khusus. Guru PKBP juga dikatakan menghadapi dilema kekurangan maklumat dan panduan mengajar pendidikan seksualiti (Aparecida, 2009; Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008). Ini disokong oleh Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) bahawa guru hari ini belum bersedia untuk melaksanakan pendidikan seksualiti kerana kekurangan latihan profesional pendidikan seksualiti, ketiadaan bahan (modul) pengajaran, dan kebimbangan akan isu disaman oleh ibu bapa

sekiranya melakukan kesilapan penyampaian maklumat berkaitan pendidikan seksualiti ini (The Star online, 2010, 2 Mac). Masalah ini pasti bertambah serius memandangkan belum terdapat latihan atau bahan sokongan (modul) diberi kepada guru-guru PKBP pra perkhidmatan atau dalam perkhidmatan oleh mana-mana institusi latihan perguruan kita. Memandangkan sumber utama pengetahuan seksualiti kebanyakan kanak-kanak sekolah menengah ialah daripada guru mereka berbanding dengan ibu bapa dan media massa (Azizah Jaafar & Chan, 2009), ini bermakna selain ibu bapa, tanggungjawab guru sebagai pembekal pengetahuan seksualiti tidak dapat dipertikaikan. Ini sesungguhnya benar dalam dunia pendidikan khas hari ini kerana sebahagian besar masa KKBP dihabiskan di sekolah (Veiga, Teixeira, Martins & Meliço-Silvestre, 2006). Oleh sebab itu, kajian perlu melibatkan ibu bapa dan guru untuk memperolehi input berguna bagi membolehkan pembinaan modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran. Seterusnya modul yang telah dibina perlu dinilai bukan sahaja dari segi kualiti tetapi juga dari segi penerimaan sosial. Penilaian tambahan dari segi penerimaan sosial perlu dilaksanakan di dalam kajian ini memandangkan pendidikan seksualiti merupakan suatu isu yang kontroversi.

Kekurangan kajian tempatan. Setakat ini belum terdapat kajian untuk mengenal pasti persepsi guru dan ibu bapa terhadap pendidikan seksualiti. Tambahan pula, belum terdapat kajian analisis keperluan dilakukan untuk meninjau kurikulum yang sesuai untuk pengajaran pendidikan seksualiti untuk KKBP peringkat menengah. Tinjauan literatur menggunakan kemudahan pangkalan data Universiti Sains Malaysia (USM) menunjukkan tiada kajian mengenai analisis keperluan pendidikan seksualiti untuk KKBP peringkat menengah dilakukan oleh mana-mana pengkaji tempatan. Kebanyakan kajian mengenai isu ini dilakukan oleh penyelidik luar negara.

Oleh sebab itu timbul masalah ketiadaan bukti empirikal yang dapat membincangkan masalah tingkah laku seksual.

Berdasarkan permasalahan yang dibangkitkan di atas, kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk dan membina modul yang boleh diguna oleh guru PKBP dan ibu bapa untuk membekalkan pendidikan seksualiti kepada KKBP peringkat menengah. Sebelum pembinaan modul, satu tinjauan mengenai analisis keperluan pendidikan seksualiti perlu dilaksanakan terlebih dahulu untuk memahami keadaan semasa dari perspektif guru dan ibu bapa. Maklumat daripada tinjauan ini akan digunakan sebagai salah satu input konkrit bagi mereka bentuk sebuah modul pendidikan seksualiti mengikut acuan keperluan KKBP peringkat menengah kita.

1.4 Tujuan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan, kajian ini mempunyai dua tujuan yang utama. Tujuan kajian yang pertama ialah untuk melaksanakan analisis keperluan bagi mengenal pasti persepsi guru dan ibu bapa terhadap pendidikan seksualiti serta untuk mengenal pasti elemen-elemen (isi kandungan) yang sesuai untuk diterapkan di dalam modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran. Analisis keperluan perlu dilaksanakan di dalam kajian ini sebelum pembinaan modul kerana topik pendidikan seksualiti masih dianggap sebagai satu isu yang kontroversi dalam masyarakat Malaysia hari ini. Keperluan pendidikan seksualiti didefinisikan sebagai merangkumi aspek perkembangan manusia, aspek kognitif, aspek afektif dan aspek tingkah laku. Aspek ini telah dikenal pasti melalui tinjauan literatur yang berkaitan (Kong & Tan, 2010; SIECUS, 2004). Satu instrumen baru akan dibina oleh penyelidik untuk memenuhi tujuan pertama kajian ini.

Tujuan kajian kedua ialah untuk membina dan menilai sebuah modul pendidikan seksualiti yang akan menjadi panduan kepada guru PKBP dan ibu bapa

untuk menyampaikan pendidikan seksualiti kepada KKBP peringkat menengah. Modul tersebut seterusnya akan dinamakan sebagai Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah. Penilaian modul ini adalah berdasarkan kepada dua konstruk penilaian yang utama, iaitu konstruk kualiti bahan pengajaran (Leacock & Nesbit, 2007; Multimedia Educational Resource for Learning and Online Teaching (MERLOT), 2012; Rodriguez, Doderer & Alonso, 2011) dan konstruk penerimaan sosial untuk kanak-kanak berkeperluan khas (Carter, 2011; Kadzin, 1980; Lane, Kalberg, Bruhn, Driscoll, Wehby & Elliott, 2009; Martens, Witt, Elliot & Darveaux, 1985). Dalam hal ini, konstruk kualiti bahan pengajaran terdiri daripada tiga indikator kualiti iaitu isi kandungan, potensi keberkesanan dan kepuasan keseluruhan. Konstruk penilaian penerimaan sosial pula adalah untuk mengenal pasti kesesuaian penggunaan modul dalam konteks budaya Malaysia. Penilaian penerimaan sosial perlu dilaksanakan di dalam kajian ini disebabkan sifat kontroversi pendidikan seksualiti.

1.5 Objektif Kajian dan Persoalan Kajian

Berdasarkan dua tujuan kajian yang dikemukakan, lapan objektif utama kajian telah ditentukan. Seterusnya persoalan-persoalan kajian yang berkaitan dikemukakan sebagai asas pertimbangan kajian ini. Objektif kajian dan persoalan kajian disenaraikan dalam Jadual 1.3 di bawah.

Jadual 1.3

Objektif Kajian dan Persoalan Kajian

-
- | | |
|---------|--|
| 1.5.1 | : Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti konstruk yang terdapat dalam instrumen analisis keperluan yang dibina oleh penyelidik. |
| 1.5.1.1 | : Apakah konstruk yang dapat dikenal pasti daripada instrumen analisis keperluan yang dibina oleh penyelidik ? |
-

- 1.5.2 : Objektif kedua adalah untuk mengenal pasti persepsi guru terhadap keperluan pendidikan seksualiti dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran peringkat menengah.**
- 1.5.2.1 : Apakah persepsi guru terhadap keperluan pendidikan seksualiti dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran peringkat menengah?
- 1.5.3 : Objektif ketiga adalah untuk mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap keperluan pendidikan seksualiti dalam kalangan anak bermasalah pembelajaran peringkat menengah.**
- 1.5.3.1 : Apakah persepsi ibu bapa terhadap keperluan pendidikan seksualiti dalam kalangan anak bermasalah pembelajaran peringkat menengah?
- 1.5.4 : Objektif keempat adalah untuk mengenal pasti elemen-elemen pendidikan seksualiti yang sesuai untuk modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran.**
- 1.5.4.1 : Apakah elemen-elemen yang sesuai untuk modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran peringkat menengah pada pendapat guru dan ibu bapa?
- 1.5.4.2 : Adakah terdapat persetujuan di antara guru dan ibu bapa terhadap elemen-elemen pendidikan seksualiti yang sesuai untuk modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran peringkat menengah ?
- 1.5.4.3 : Bagaimanakah elemen-elemen pendidikan seksualiti yang dipilih oleh guru dan ibu bapa dapat dirumus kepada dimensi-dimensi tertentu?
- 1.5.5 : Objektif kelima adalah untuk membina modul pendidikan seksualiti yang diberi nama Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah.**
- 1.5.5.1 : Bagaimanakah modul pendidikan seksualiti yang diberi nama Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah direka bentuk dan dibina ?
- 1.5.6 : Objektif keenam adalah untuk menilai Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah oleh guru dan ibu bapa berdasarkan konstruk kualiti modul.**
- 1.5.6.1 : Bagaimanakah guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran menilai Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah berdasarkan konstruk kualiti?
- 1.5.6.2 : Bagaimanakah ibu bapa menilai Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah berdasarkan konstruk kualiti?
-

Sambung Jadual 1.3

- 1.5.6.3 : Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian kualiti oleh guru dan penilaian kualiti oleh ibu bapa terhadap Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah ?
- 1.5.6.4 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori penilai terhadap penilaian konstruk kualiti (kombinasi linear ketiga-tiga indikator kualiti isi kandungan, potensi keberkesanan, dan kepuasan keseluruhan) Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah?
- 1.5.7 : Objektif ketujuh adalah untuk menilai Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah oleh guru dan ibu bapa berdasarkan konstruk penerimaan sosial modul.**
- 1.5.7.1 : Bagaimanakah guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran menilai Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah berdasarkan konstruk penerimaan sosial?
- 1.5.7.2 : Bagaimanakah ibu bapa menilai Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah berdasarkan konstruk penerimaan sosial?
- 1.5.7.3 : Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian penerimaan sosial oleh guru dan penilaian penerimaan sosial oleh ibu bapa terhadap Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah ?
- 1.5.8 : Objektif kelapan adalah untuk membandingkan kedua-dua konstruk penilaian kualiti dan penilaian penerimaan sosial terhadap Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah berdasarkan kategori penilai (guru dan ibu bapa) dan jantina penilai.**
- 1.5.8.1 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori penilai dan jantina penilai terhadap penilaian keseluruhan (kombinasi linear kedua-dua konstruk kualiti dan penerimaan) Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah ?
-

1.6 Pernyataan Hipotesis

Untuk menjawab beberapa persoalan kajian di atas, hipotesis nol dibentuk dan diuji. Kaedah statistik yang digunakan untuk menguji hipotesis nol kajian ditunjukkan dalam Jadual 1.4 berikut.

Jadual 1. 4

Hipotesis Nol dan Kaedah Statistik untuk Menguji Hipotesis Nol

Persoalan 1.5.4.2 : **Adakah terdapat persetujuan di antara guru dan ibu bapa terhadap elemen-elemen pendidikan seksualiti yang sesuai untuk modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran peringkat menengah?**

Hipotesis Nol, H_0^1 : Tidak terdapat persetujuan antara guru dan ibu bapa terhadap elemen-elemen pendidikan seksualiti yang sesuai untuk modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran peringkat menengah.

Kaedah Statistik : H_0^1 diuji dengan ujian Khi kuasa dua pada aras kesignifikanan $\alpha \leq 0.05$.

Persoalan 1.5.6.3 : **Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian kualiti oleh guru dan penilaian kualiti oleh ibu bapa terhadap Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah ?**

Hipotesis Nol, H_0^2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian kualiti oleh guru dan penilaian kualiti oleh ibu bapa terhadap Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah.

Kaedah Statistik : H_0^2 diuji dengan ujian Korelasi *Spearman Rank Order* pada aras kesignifikanan $\alpha \leq 0.05$.

Persoalan 1.5.6.4 : **Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori penilai terhadap penilaian konstruk kualiti (kombinasi linear ketiga-tiga indikator kualiti isi kandungan, potensi keberkesanan, dan kepuasan keseluruhan) Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah?**

Hipotesis Nol, H_0^3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori penilai terhadap penilaian konstruk kualiti (kombinasi linear ketiga-tiga indikator kualiti isi kandungan, potensi keberkesanan, dan kepuasan keseluruhan) Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah.

Kaedah Statistik : H_0^3 diuji dengan ujian MANOVA sehalu pada aras kesignifikanan $\alpha \leq 0.05$.

Persoalan 1.5.7.3 : **Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian penerimaan sosial oleh guru dan penilaian penerimaan sosial oleh ibu bapa terhadap Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah ?**

Hipotesis Nol, H_0^4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian penerimaan sosial oleh guru dan penilaian penerimaan sosial oleh ibu bapa terhadap Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah.

Sambung Jadual 1.4

Kaedah Statistik	: H_0^4 diuji dengan ujian Korelasi <i>Spearman Rank Order</i> pada aras kesignifikanan $\alpha \leq 0.05$.
Persoalan 1.5.8.1	: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori penilai dan jantina penilai terhadap penilaian keseluruhan (kombinasi linear kedua-dua konstruk kualiti dan penerimaan sosial) Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah ?
Hipotesis Nol, H_0^5	: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori penilai terhadap penilaian keseluruhan (kombinasi linear kedua-dua konstruk kualiti dan penerimaan sosial) Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah.
Hipotesis Nol, H_0^6	: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina penilai terhadap penilaian keseluruhan (kombinasi linear kedua-dua konstruk kualiti dan penerimaan sosial) Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah.
Kaedah Statistik	: H_0^5 dan H_0^6 diuji dengan ujian MANOVA dua hala pada aras kesignifikanan $\alpha \leq 0.05$.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil analisis keperluan pendidikan seksualiti dapat menyumbang kepada kefahaman yang lebih terperinci tentang isu masalah tingkah laku seksual dalam konteks PKBP di Malaysia. Satu instrumen kajian akan dibina oleh penyelidik sendiri. Instrumen tersebut akan dinilai untuk mendapatkan bukti kesahan dan kebolehpercayaan. Dengan itu, instrumen tersebut boleh diguna pakai oleh penyelidik lain pada masa akan datang untuk menambah lagi kefahaman mengenai bidang kajian ini.

Sehingga hari ini belum terdapat inisiatif untuk membina modul pendidikan seksualiti khususnya untuk KKBP daripada institusi pendidikan berkaitan atau mana-mana badan bukan kerajaan (NGO) tempatan yang menyediakan perkhidmatan advokasi kepada golongan ini. Modul latihan yang sedia ada iaitu "*Live Life, Stay Safe: Reproductive Health for Children and Adolescents with Disabilities*" yang

dibina oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2009) lebih berfokus kepada kegunaan jururawat komuniti. Oleh itu dapatan kajian pengkaji akan menghasilkan modul pendidikan seksualiti yang boleh diaplikasikan oleh guru PKBP dan ibu bapa ke atas KKBP. Guru PKBP merupakan pembekal maklumat primer mengenai seksualiti murid bermasalah pembelajaran (Aparecida, 2009). Kajian Azizah Jaafar dan Chan (2009) menunjukkan bahawa kanak-kanak sekolah menengah banyak memperolehi pengetahuan seksualiti daripada gurunya berbanding dengan ibu bapa mereka.

Isi kandungan pengetahuan seksualiti di dalam modul juga dapat memenuhi keperluan KKBP tempatan memandangkan guru dan ibu bapa sendiri yang menentukan elemen pendidikan seksualiti yang seharusnya diajar. Dengan itu, modul yang dibina itu akan mesra budaya dan adalah responsif kepada nilai-nilai budaya tempatan. Hasil modul dari kajian ini pastinya tidak akan sama dengan buku-buku barat yang sedia ada sebab modul ini telah mengambil kira sensitiviti guru dan ibu bapa tempatan. Ini dapat menggalakkan pembangunan sosial-emosi yang sihat dalam kalangan remaja dari pelbagai latar belakang budaya (D'Santiago & Hund, 2012). Selain membawa konsep tempatan, penghasilan modul ini juga memberi sumbangan akademik. Modul ini menyumbang kepada badan pengetahuan (*body of knowledge*) yang penting dalam bidang PKBP hari ini.

Dapatan kajian ini juga dapat menyumbang kepada latihan perguruan KPM khususnya Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan universiti-universiti awam tempatan yang menawarkan kursus Sarjana Muda Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Hasil kajian ini dapat menyumbang kepada kesediaan para guru pelatih PKBP dalam penguasaan kandungan dan literasi pendidikan seksualiti. Ini penting agar guru-guru pelatih pendidikan khas ini berpandangan positif,

berpengetahuan, berkemahiran dan berkeyakinan dalam mengendalikan masalah tingkah laku seksual KKBP kelak.

1.8 Limitasi Kajian

Terdapat dua limitasi kajian. Pertama, responden kajian ini terbatas kepada penolong kanan, penyelaras dan guru-guru PKBP dari PPKI BP menengah serta ibu bapa KKBP sahaja. Oleh itu dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada kanak-kanak berkeperluan khas yang lain terutamanya kanak-kanak bermasalah penglihatan dan kanak-kanak bermasalah pendengaran. Keperluan kanak-kanak bermasalah penglihatan dan pendengaran terhadap pendidikan seksualiti adalah berbeza.

Kedua, kajian ini juga terbatas kepada proses reka bentuk, proses pembinaan modul pendidikan seksualiti serta proses penilaian dari segi kualiti dan dari segi penilaian penerimaan sosial. Aplikasi modul tersebut dalam persekitaran bilik darjah tidak dilaksanakan atas sebab masalah kekangan masa. Perlaksanaan keseluruhan modul dalam kelas PKBP mungkin akan mengambil masa bertahun-tahun. Oleh itu perlaksanaan modul adalah di luar skop kajian ini.

1.9 Definisi Kajian

Beberapa konsep dalam kajian ini akan ditakrifkan secara konseptual dan operasional.

1.9.1 Seksualiti

Seksualiti adalah perasaan atau kefahaman diri seseorang terhadap perubahan emosi dan respon fungsi biologikal, psikologikal dan sosial seksual yang bersifat multidimensi (Veiga et al., 2006). Ini bererti seksualiti berkait rapat dengan keperluan

seseorang individu untuk berkemahiran komunikatif dan memberi respon secara fizikal dan biologikal untuk disukai, diterima, dan dihargai. Seksualiti juga melibatkan perkongsian fikiran dan perasaan yang bersifat resiprokal secara psikologikal; serta perkembangan sosio-budaya dan kerohanian dari segi nilai, etika dan moral (Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008; Kong & Tan, 2010).

1.9.2 Aspek Seksualiti

Aspek seksualiti dalam konteks kajian ini merujuk kepada persepsi guru dan ibu bapa dari segi sikap mereka terhadap seksualiti KKBP, keperluan pendidikan seksualiti dan keyakinan mereka untuk menyampaikan pendidikan seksualiti. Selain tiga aspek ini, satu aspek yang berkaitan dengan kurikulum PKBP, iaitu pengetahuan mengenai kewujudan pendidikan seksualiti dalam kurikulum sedia ada juga dikemukakan kepada penolong kanan dan penyelaras yang menjadi responden kajian ini.

1.9.3 Pendidikan Seksualiti

Definisi pendidikan seksualiti yang dinyatakan dalam *National Guidelines Task Force* (SIECUS, 2004) merujuk kepada pendidikan seumur hidup yang melibatkan proses memperolehi maklumat dan membentuk atribut, kepercayaan dan pegangan nilai seseorang. Pendidikan ini menekankan perkembangan seksual, reproduksi manusia, kesihatan, hubungan interpersonal, perasaan kasih sayang, hubungan rapat, bahasa badan dan peranan gender. Kementerian Pendidikan New Zealand (2002) telah memberi perbezaan definisi antara istilah pendidikan seks dan pendidikan seksualiti. Pendidikan seks dikatakan meliputi dimensi reproduktif, perlindungan dan keselamatan fizikal. Pendidikan seksualiti pula merangkumi pelbagai dimensi. Selain perkara di atas, pendidikan seksualiti turut melibatkan

perkara-perkara seperti memupuk hubungan dan kesejahteraan personal, aspek sosial-ekologikal, pemupukan pendekatan untuk memahami kesihatan dan isu-isu seksualiti yang berlaku (Sinkinson, 2009). Oleh itu, rumusan daripada kesemua definisi ini, konsep pendidikan seksualiti dalam kajian ini dilihat dari enam dimensi berdasarkan garis panduan SIECUS (2004) iaitu: (E₁) perkembangan manusia (*human development*); (E₂) hubungan (*relationships*); (E₃) kemahiran personal (*personal skills*); (E₄) tingkah laku seksual (*sexual behavior*); (E₅) kesihatan seksual (*sexual health*) dan (E₆) budaya dan masyarakat (*society and culture*).

1.9.4 Pendidikan Seksualiti Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran (KKBP)

Morrison, Hardison, Mathew dan O'Neil (2004) menegaskan pendidikan seksualiti untuk kanak-kanak bermasalah pembelajaran (KKBP) peringkat menengah sepatutnya lebih berfokus kepada pengubahsuaian tingkah laku seksual. Oleh itu pendidikan seksualiti untuk golongan ini perlu mempertimbangkan konteks keperluan sebenar KKBP berdasarkan tahap kefungsiian dan kemampuan kognitif kanak-kanak ini, serta makna dan fungsi pendidikan seksualiti kepada mereka (Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 2008; Murphy & Elias, 2006). Ini bererti pendidikan seksualiti untuk KKBP peringkat menengah perlu dipersembahkan dengan cara yang mudah tetapi konkrit dan berfungsi, dengan penekanan lebih kepada pembinaan kemahiran dan kesihatan sosial-seksual mereka (Morrison et al, 2004). Oleh itu kajian ini melihat pendidikan seksualiti KKBP peringkat menengah lebih kepada memupuk pembentukan imej diri yang positif, memupuk persahabatan, penjagaan kesihatan diri, berkemahiran komunikatif dan berkeyakinan dalam membuat keputusan asertif.

1.9.5 Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP)

Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) dalam konteks kajian ini merujuk kepada pendidikan yang menekankan kepada perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek supaya KKBP boleh mendapat pendidikan ke peringkat yang tertinggi bagi membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan dan hidup berdikari (Bahagian Pendidikan Khas, 2011).

1.9.6 Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran (*Learning Disabilities*)

Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran (KKBP) ditakrifkan sebagai kanak-kanak yang telah diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi sebagai kanak-kanak yang berkeperluan khas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada KKBP berumur dalam lingkungan 12 tahun sehingga 20 tahun yang berada di PPKI BP menengah, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). KKBP ini terdiri daripada individu-individu yang terencat akal, terencat perkembangan, sindrom Down, autistik, bermasalah komunikasi dan bahasa, bermasalah emosi dan tingkah laku, hiperaktif dan hipoaktif.

1.9.7 Masalah Tingkah Laku Seksual

Masalah tingkah laku seksual merujuk kepada tingkah laku yang tidak sesuai dari segi perkembangan, bersifat peribadi dan mengganggu serta kasar pada pandangan orang lain (Kellogg, 2009). Dalam kajian ini, secara konseptualnya masalah tingkah laku seksual KKBP merujuk kepada tingkah laku seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1.5.

Jadual 1.5

Masalah Tingkah Laku Seksual Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran

Masalah Tingkah Laku Seksual
<ul style="list-style-type: none">• Menyentuh bahagian sulit sendiri di tempat sunyi (<i>private</i>) atau awam (<i>public</i>)• Melihat atau menyentuh bahagian sulit orang lain• Menunjuk bahagian sulit kepada orang lain• Berdiri atau duduk terlalu dekat dengan orang lain• Mengintai badan orang lain• Menggesel badannya dengan orang lain• Meniru atau mengajuk perlakuan seksual yang kasar• Mengajak rakan untuk terlibat dengan sesuatu perlakuan seksual• Memasukkan objek ke dalam bahagian sulit• Meniru perbuatan persetubuhan• Menyentuh alat sulit haiwan• Meluahkan perkataan kesat• Menyentuh anggota orang lain• Menyentuh anggota kanak-kanak• Menulis surat atau melakarkan gambar lucah• Melihat atau menonton media lucah• Membuat panggilan telefon lucah• Memegang dan menanggalkan pakaian orang lain tanpa kebenaran• Mencabul kehormatan kanak-kanak• Menyentuh payu dara orang lain• Menanggalkan pakaian atau seluar di hadapan orang lain• Terlibat dengan kes rogol (sebagai pelaku)• Terlibat dengan kes liwat (sebagai pelaku)• Terlibat dengan perbuatan homoseksual

(Diadaptasi daripada Kellogg, 2009; Ward, Trigler & Pfeiffer, 2001)

1.9.8 Analisis Keperluan Pendidikan Seksualiti

Analisis keperluan pendidikan seksualiti dalam kajian ini ialah langkah untuk memperolehi maklumat-maklumat berikut daripada responden kajian: (1) persepsi responden kajian terhadap tahap masalah tingkah laku seksual KKBP peringkat menengah; (2) sikap responden kajian terhadap aspek seksualiti KKBP peringkat menengah; (3) persepsi responden kajian terhadap keperluan pendidikan seksualiti masalah pembelajaran peringkat menengah; (4) keyakinan responden kajian terhadap penyampaian pendidikan seksualiti masalah pembelajaran peringkat menengah, (5) persepsi responden kajian terhadap keupayaan kurikulum sedia ada dalam menangani masalah tingkah laku seksual KKBP peringkat menengah, dan (6) kesedaran responden kajian mengenai kewujudan elemen pendidikan seksualiti dalam kurikulum serta, (7) persepsi responden kajian terhadap elemen-elemen yang sesuai untuk

pembinaan modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran peringkat menengah. Kajian analisis keperluan dilaksanakan dalam fasa pertama kajian ini (Fasa I).

1.9.9 Analisis Keperluan, Pembinaan Bahan dan Penilaian Bahan

Analisis keperluan, pembinaan dan penilaian bahan merupakan proses yang sistematik untuk mereka bentuk bahan pengajaran. Proses ini melibatkan proses pengumpulan dan analisis maklumat bertujuan untuk menghuraikan sesuatu masalah yang berlaku pada suatu populasi sasaran dan seterusnya memperolehi penyelesaian kepada masalah tersebut. Terdapat lima langkah dalam proses ini, iaitu mengenal pasti pengguna; menghuraikan populasi sasaran dan persekitaran perkhidmatan; mengenal pasti masalah dan penyelesaiannya; penilaian kepentingan keperluan, dan akhirnya mengkomunikasikan hasil analisis keperluan tersebut (McKillip, 1989).

Dalam kajian ini pengguna dan populasi sasaran ialah penolong kanan, penyelarass PPKI BP menengah, guru PKBP dan ibu bapa kepada KKBP peringkat menengah. Persekitaran perkhidmatan adalah PPKI BP sekolah menengah dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Masalah tingkah laku seksual KKBP pula dikenal pasti sebagai masalah kajian dan pembinaan modul pendidikan seksualiti masalah pembelajaran ialah penyelesaiannya. Sementara penilaian kualiti dan penerimaan sosial modul yang dibina oleh penyelidik merupakan langkah penilaian kepentingan keperluan. Akhir, pentafsiran dapatan kajian dan penulisan laporan ialah proses mengkomunikasikan hasil analisis. Keseluruhan kajian penyelidik melengkapkan kelima-lima langkah analisis keperluan berdasarkan proses McKillip (1989)

1.9.10 Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran

Sharifah Alwiah Alsagoff (1981) mentakrifkan modul sebagai satu pakej pengajaran yang mengandungi bahagian-bahagian kecil yang tersendiri, lengkap dan berkait rapat antara satu sama lain yang digunakan untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan atau kualiti modul yang siap dibina akan ditentukan oleh pengendali modul, iaitu guru, fasilitator atau moderator yang telah diberi latihan (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2008). Dalam kajian ini, modul pendidikan seksualiti akan dibina oleh penyelidik sendiri berpandukan Model Pembinaan Modul Sidek (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2008). Modul kajian ini diberi nama Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) peringkat menengah. Skop modul mengandungi elemen-elemen yang merangkumi enam dimensi seksualiti SIECUS (2004). Sasaran pengguna modul ialah guru PKBP dan ibu bapa, sementara penerima kandungan modul ialah KKBP yang berumur 12 tahun hingga 20 tahun. Pembinaan modul dilaksanakan dalam Fasa II kajian ini, dan penilaian modul yang telah dibina dilaksanakan dalam Fasa III kajian ini.

1.9.11 Penolong Kanan dan Penyelaras Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKI BP) Peringkat Menengah

Perjawatan penolong kanan untuk PPKI BP peringkat menengah telah diluluskan oleh KPM pada tahun 2008. Guru PKBP yang berada pada grad DG 44 secara khas untuk penyandang (KUP) sekurang-kurangnya tiga tahun, dan memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat layak untuk dilantik sebagai penolong kanan PPKI BP. Walau bagaimanapun, sekiranya PPKI BP berkenaan mempunyai bilangan kelas kurang daripada empat, maka tiada perjawatan ini diwujudkan tetapi digantikan dengan perjawatan penyelaras yang dilantik secara dalaman daripada kalangan guru-guru PKBP oleh pentadbir sekolah. Bidang tugas penolong kanan dan penyelaras

PPKI BP adalah sama, iaitu merangkumi pentadbiran umum, pengurusan hal ehwal guru dan murid, data, kewangan, kelas, jadual waktu serta, pengajaran dan pembelajaran PPKI BP (Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 15 Tahun 2010; Unit Pendidikan Khas Perak, 2010). Ahli-ahli daripada kumpulan ini merupakan responden untuk kajian analisis keperluan dan kajian penilaian modul.

1.9.12 Guru-guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP)

Guru-guru PKBP dalam kajian ini merujuk kepada pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan yang memenuhi syarat-syarat ini: (1) mempunyai sijil khas (Ijazah Kedoktoran, Sarjana, Sarjana Muda, Diploma, sijil latihan dalam perkhidmatan anjuran KPM atau Jabatan Pelajaran Negeri) dalam bidang PKBP dan, (2) mengajar sepenuh masa di PPKI BP sekolah menengah biasa yang ditadbir di bawah Jabatan Pelajaran Negeri (Jabatan Pendidikan Khas, 2008). Ahli-ahli daripada kumpulan ini merupakan responden kajian untuk fasa penilaian modul.

1.9.13 Ibu Bapa

Ibu bapa dalam konteks kajian ini merujuk kepada mereka yang mempunyai anak bermasalah pembelajaran yang berumur melebihi 12 tahun sehingga 20 tahun. Ibu bapa ini terlibat aktif dalam avokasi keperluan pendidikan anak-anak mereka. Ahli-ahli kumpulan ini adalah responden kajian analisis keperluan dan juga responden kajian penilaian modul.

1.9.14 Konstruk Indikator Kualiti Bahan Pengajaran (*Quality Indicators of Educational Resources*)

Konstruk penilaian kualiti modul kajian ini terdiri daripada tiga indikator. Sabitha Marican (2006) mendefinisikan indikator sebagai satu ukuran multi dimensi yang merangkumi satu atau lebih daripada satu skala. Berdasarkan pernyataan ini,